

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 07 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Pencemaran Tasik Black Water, LRA Cheras Batu 11 berpotensi dihenti tugas jika hujan kerap



Tasik Black Water yang dicemari sampah sarap. - Foto NSTP/Hairul Anuar Rahim

KUALA LUMPUR: Loji Rawatan Air (LRA) Cheras Batu 11 berpotensi dihenti tugas disebabkan peningkatan kandungan Ammoniakal Nitrogen akibat aktiviti pembuangan sampah haram di Tasik Black Water di Bandar Mahkota Cheras, di sini, jika hujan kerap berlaku.

Berdasarkan siasatan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), hujan yang kerap akan mengakibatkan air tasik itu melimpah, menyebabkan kandungan bahan kimia itu melebihi had piawai yang ditetapkan dan mencemarkan LRA berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian, berkata LUAS menyertai Operasi Bersepadu diketuai Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) di Tasik Black Water pada 31 Mei lalu, susulan aktiviti pembuangan sampah di kawasan berkenaan, yang turut membabitkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Langat.

"Siasatan mendapati keadaan tasik itu dipenuhi sampah sarap dan efluen kehitaman atau 'leachate', selain lokasi insiden berdekatan Sungai Perimbun yang dianggarkan sejauh kira-kira tiga kilometer, manakala jarak tasik ke LRA Cheras Batu 11 adalah kira-kira 6.5 kilometer," katanya dalam kenyataan, hari ini.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

BH sebelum ini melaporkan, Tasik Black Water dikesan dijadikan tapak pelupusan sampah haram oleh pihak tidak bertanggungjawab hingga menyebabkan pencemaran bau.

Sebahagian besar tasik itu dipenuhi sampah antaranya botol, guni, polistirena makanan, plastik, sisa perabot dan kayu.

Loy Sian berkata, LUAS menerima aduan berkaitan aliran 'leachate' yang berpotensi memasuki Sungai Perimbun iaitu anak Sungai Langat, susulan hakisan tanah yang berlaku di tasik itu dan mengakibatkan kegagalan struktur ban di kawasan berkenaan.

Katanya, ban itu pecah disebabkan hujan lebat dan LUAS sudah mengambil beberapa sampel di lokasi berbeza iaitu di kawasan tasik, Sungai Perimbun dan Sungai Langat, serta didapati bacaan bau adalah sifar ton, manakala anggaran kandungan Ammoniakal Nitrogen adalah 0.4 miligram per liter (mg/l) di Sungai Langat.

"Pada masa sama, pihak Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) turut mengambil sampel di tiga kawasan pensampelan itu. LUAS turut melaksanakan pemantauan rapi dan statik di Sungai Perimbun serta Sungai Langat.

"Justeru, tiada gangguan kepada operasi LRA Cheras Batu 11 dilaporkan. Pada masa sama, kerja membaik pulih dilaksanakan dengan mengukuhkan ban yang pecah bagi mengelak aliran 'leachate' mengalir ke alur berhampiran," katanya.

Susulan pencemaran Tasik Black Water, Loy Sian berkata, LUAS akan membuka kertas siasatan berdasarkan Seksyen 79 (1) Enakmen LUAS 1999.

Katanya, MPKJ sudah menyita kawasan itu dan Notis Pemberhentian Aktiviti Kerja akan diberikan kepada pemilik tanah selepas maklumat status tanah diterima daripada PDT Hulu Langat, manakala PDT juga akan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah bagi arahan pemulihan segera tanah.

"Kerajaan negeri tidak berkompromi dengan mana-mana pihak melakukan jenayah pencemaran sumber air dan tindakan tegas akan diambil selaras peruntukan Enakmen LUAS 1999.

"Kerajaan negeri dan LUAS meminta semua pihak prihatin terhadap aktiviti yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air negeri dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada LUAS untuk diambil tindakan segera," katanya.